



The Sarawak Museum Journal

Vol. 87 No. 108

December 2024

THE SARAWAK MUSEUM
JOURNAL



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Fatimah Hamrie et al. (2024). Analysis of Islamic Family Law Aspects in the Manuscript of the Kanun Negeri Lingga. The Sarawak Museum Journal, 87 (108): 87-109

ANALYSIS OF ISLAMIC FAMILY LAW ASPECTS IN THE MANUSCRIPT OF THE KANUN NEGERI LINGGA

*Fatimah Hamrie, Saimi Bujang, Noranizah Yusuf and Wan Ariffin Wan Yon
Academy of Contemporary Islamic Studies, University of Technology MARA (UiTM),
Samarahan Campus, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.

*corresponding author

2021434446@student.uitm.edu.my

ABSTRACT

The Kanun Negeri Lingga (KNL) manuscript is an Old Malay Law (UML) text that proves the existence of Islamic legislation in Sarawak. This text represents Malay customary law that aligns with Islamic law. KNL consists of 88 pages detailing Islamic Law (Sharia); Laws of Royal Governance (Hukum Kanun Datu); Lingga Malay Customary Law; Criminal Law; Maritime Law (Ports, ships, navigation, merchant boats); and Commercial Law (trading, business, pawning, buying and selling, and lending). This study aims to prove the existence of Islamic family law practices in Sarawak before James Brooke's arrival in the state. The specific objectives of this study are to elaborate on the information and content related to the Kanun Negeri Lingga manuscript; and to examine the Islamic family laws contained within the Kanun Negeri Lingga manuscript. This research employs a qualitative descriptive research approach, utilizing library research methods and document analysis. The data analysis method used to examine and explain the interpretations found in KNL is micro in nature and involves five main stages: text preparation and understanding research problems; reading the entire KNL; data coding; data classification based on themes; and data interpretation or explaining the meaning of the obtained data. The study successfully elaborates on the information and content of the KNL manuscript, with a particular focus on aspects of Islamic family law. Detailed analysis has been conducted on various aspects of Islamic family law in KNL, covering marriage, engagement, guardianship, offer and acceptance (ijab and kabul), witnesses, the concept of khiyar, as well as specific provisions related to marriage laws between Muslims and non-Muslims, and between free individuals and slaves. This study concludes that the existence of KNL serves as evidence contributing significantly to the formation of Sarawak's constitutional framework in general and Islamic legislation in Sarawak in particular.

© Sarawak Museum Department 2024

All rights reserved. No part of this journal may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission of the Director, Sarawak Museum Department



Jabatan Muzium Sarawak

ANALISA TERHADAP ASPEK UNDANG-UNDANG KEKELUARGAAN ISLAM DALAM MANUSKRIP KANUN NEGERI LINGGA

ANALYSIS OF ISLAMIC FAMILY LAW ASPECTS IN THE MANUSCRIPT OF THE KANUN NEGERI LINGGA

***Fatimah Hamrie, Saimi Bujang, Noranizah Yusuf and Wan Ariffin Wan Yon**

Academy of Contemporary Islamic Studies, University of Technology MARA (UiTM),
Samarahan Campus, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.

*corresponding author

2021434446@student.uitm.edu.my

ABSTRAK

Manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL) adalah sebuah teks Undang-undang Melayu Lama (UML) yang membuktikan kewujudan perundangan Islam di Sarawak. Teks ini merupakan undang-undang adat Melayu yang bersesuaian dengan hukum Islam. KNL mempunyai 88 halaman yang menyatakan tentang Undang-Undang Islam (Syariah); Undang-Undang Pemerintahan Raja (Hukum Kanun Datu); Undang-Undang Adat Melayu Lingga; Undang-Undang Jenayah; Undang-Undang Laut (Pelabuhan, kapal, pelayaran, perahu dagang) dan Undang-Undang Muamalat (berdagang, berniaga, bergadai, jual beli dan pinjam meminjam). Kajian ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan pengamalan undang-undang kekeluargaan Islam di Sarawak sebelum kedatangan James Brooke ke negeri ini. Objektif khusus kajian ini adalah menghuraikan maklumat dan kandungan berkaitan manuskrip Kanun Negeri Lingga; dan, mengkaji undang-undang kekeluargaan Islam yang terdapat di dalam manuskrip Kanun Negeri Lingga. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan deskriptif kualitatif iaitu menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Kaedah analisis data yang digunakan untuk meneliti dan menjelaskan tafsiran yang terdapat

dalam KNL bersifat mikro dan melibatkan lima peringkat utama, iaitu; penyediaan teks dan memahami permasalahan kajian; membaca keseluruhan KNL; pengekodan data; pengelasan data berdasarkan tema; dan menginterpretasi data atau menjelaskan maksud data-data yang telah diperolehi. Kajian ini berjaya menghuraikan maklumat dan kandungan manuskrip KNL, dengan tumpuan khusus terhadap aspek undang-undang kekeluargaan Islam. Analisis terperinci telah dilakukan terhadap pelbagai aspek undang-undang kekeluargaan Islam dalam KNL, meliputi perkahwinan, pertunangan, wali, ijab dan kabul, saksi, konsep *khiyar*, serta peruntukan khusus berkaitan hukum perkahwinan antara orang Islam dengan bukan Islam dan antara orang merdeka dengan hamba. Kajian ini merumuskan bahawa kewujudan KNL ini menjadi salah satu bukti dalam memberi sumbangan yang bermakna untuk membentuk rangka perlembagaan Sarawak amnya dan perundangan Islam di Sarawak khasnya.

Kata Kunci: Kanun, Lingga, kekeluargaan, perkahwinan, perwalian

ABSTRACT

The Kanun Negeri Lingga (KNL) manuscript is an Old Malay Law (UML) text that proves the existence of Islamic legislation in Sarawak. This text represents Malay customary law that aligns with Islamic law. KNL consists of 88 pages detailing Islamic Law (Sharia); Laws of Royal Governance (Hukum Kanun Datu); Lingga Malay Customary Law; Criminal Law; Maritime Law (Ports, ships, navigation, merchant boats); and Commercial Law (trading, business, pawning, buying and selling, and lending). This study aims to prove the existence of Islamic family law practices in Sarawak before James Brooke's arrival in the state. The specific objectives of this study are to elaborate on the information and content related to the Kanun Negeri Lingga manuscript; and to examine the Islamic family laws contained within the Kanun Negeri Lingga manuscript. This research employs a qualitative descriptive research approach, utilizing library research methods and document analysis. The data analysis method used to examine and explain the interpretations found in KNL is micro in nature and involves five main stages: text preparation and understanding research problems; reading the entire KNL; data coding; data classification based on themes; and data interpretation or explaining the meaning of the obtained data. The study successfully elaborates on the information and content of the KNL manuscript, with a particular focus on aspects of Islamic family law. Detailed analysis has been conducted on various aspects of Islamic family law in KNL, covering marriage, engagement, guardianship, offer and acceptance (ijab and kabul), witnesses, the concept of khiyar, as well as specific provisions related to marriage laws between Muslims and non-Muslims, and between free individuals and slaves. This study concludes that the existence of KNL serves as evidence contributing significantly to the formation of Sarawak's constitutional framework in general and Islamic legislation in Sarawak in particular.

Keyword: Kanun, Lingga, kekeluargaan, perkahwinan, perwalian

PENGENALAN

Manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL) merangkumi pelbagai aspek perundangan, dengan penekanan khusus terhadap institusi kekeluargaan. Ini mencerminkan kepentingan institusi kekeluargaan sebagai institusi yang terulung dalam tamadun manusia. Menurut Zanirah Mustafa@Busu *et al.* (2015), aturan yang diwujudkan dalam institusi kekeluargaan berfungsi sebagai panduan dan tatacara hidup dalam sesebuah keluarga dan masyarakat. Dalam konteks Islam, kepentingan ini dimanifestasikan melalui undang-undang keluarga Islam, yang seperti ditakrifkan oleh Zainul Rijal Abu Bakar (2022), merangkumi perundangan mengenai perkahwinan, nafkah, penjagaan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kehidupan berkeluarga.

Dalam konteks perundangan Islam, undang-undang kekeluargaan dikenali dalam Bahasa Arab sebagai '*Qanun al-Ahwal al-Syakhsyyah*'. Menurut Abdul Malik (2016), konsep ini merangkumi pelbagai aspek berkaitan urusan kekeluargaan dalam Islam. Skop undang-undang ini meliputi perkara asas kekeluargaan iaitu perkahwinan, talak, *iddah*, rujuk, *khulu'*, *lian*, *nafakah*, *hadanah* dan *radh'ah*. Dari aspek harta pula adalah pewasiatan, pusaka/*faraidh*, hibah dan waqaf. Di Malaysia, undang-undang kekeluargaan Islam diatur melalui Enakmen Keluarga Islam yang digubal di peringkat negeri. Abdul Malik (2016) menjelaskan bahawa undang-undang ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan berkeluarga, termasuk proses pembentukan keluarga seperti pertunangan, pernikahan, dan pendaftaran perkahwinan; proses pembubaran perkahwinan yang melibatkan perceraian, pemberian muta'ah, dan pelantikan hakim; tanggungjawab keluarga seperti kewajipan nafkah; serta pengurusan harta yang melibatkan wasiat, warisan dan harta sepencarian. Peraturan berkaitan pertunangan, perkahwinan, dan perwalian merupakan antara contoh utama dalam undang-undang kekeluargaan Islam di Malaysia.

Menurut Azuan Jemat (2018), manuskrip KNL merupakan dokumen bertulis yang mengandungi undang-undang Syariah yang telah diguna pakai dan diamalkan oleh masyarakat Melayu Lingga. Beliau turut mencadangkan kemungkinan bahawa manuskrip ini telah mempengaruhi amalan masyarakat Melayu Islam di Sarawak. Manuskrip KNL ini merangkumi pelbagai aspek hukum Islam, termasuk fiqh *Ibadah*, *Jinayah*, *Muamalat* dan *Munakahat*. Oleh itu, kewujudan manuskrip KNL bukan sahaja membuktikan pengamalan hukum-hukum Islam di negeri Lingga, tetapi juga menunjukkan kesannya terhadap masyarakat Melayu Islam di Sarawak.

Dalam konteks perundangan kekeluargaan Islam, manuskrip KNL telah menyusun atur hukum yang menguruskan persoalan keluarga seperti perkahwinan, perceraian, perwalian, talak dan lain-lain. Peruntukan undang-undang kekeluargaan

dalam manuskrip KNL adalah berasaskan kepada undang-undang Islam, yang bukan sahaja dianggap terbaik tetapi juga pelaksanaannya bertujuan membawa keadilan dan diterima baik oleh semua pihak. Ini mencerminkan harapan masyarakat terhadap pelaksanaan hukum keluarga Islam yang khusus dan efektif.

Kajian terhadap undang-undang kekeluargaan Islam dalam manuskrip KNL bukan sahaja memberi pandangan mendalam tentang amalan perundangan zaman tersebut, tetapi juga menyerlahkan kesinambungan antara tradisi perundangan Melayu dan prinsip-prinsip syariah. Analisis terperinci terhadap aspek ini dalam KNL membolehkan kita memahami bagaimana undang-undang Islam disesuaikan dan dilaksanakan dalam konteks masyarakat Melayu tradisional di Lingga.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan undang-undang kekeluargaan Islam dalam Kanun Negeri Lingga (KNL), salah satu teks Undang-Undang Melayu Lama (UML) yang penting dalam konteks sejarah perundangan Islam di Sarawak. Sebelum kedatangan James Brooke, undang-undang Islam telah lama diamalkan di kalangan masyarakat Melayu di Sarawak, namun kajian yang lebih mendalam mengenai aspek undang-undang kekeluargaan dalam KNL masih kurang diberikan perhatian oleh ahli akademik (Saimi Bujang *et al.*, 2022).

Perundangan Islam telah berkembang pesat dalam dunia Islam dengan mengadaptasi pelbagai adat tempatan. Malaysia, termasuk Sarawak, turut mengalami perkembangan ini. Sebelum pengaruh Barat menggantikan sistem Syariah, undang-undang Islam menjadi sistem utama dalam masyarakat, merangkumi undang-undang kekeluargaan seperti perkahwinan, perceraian, dan warisan (Md. Salleh Haji Ahmad, 2001). Sistem undang-undang tradisional Melayu menunjukkan percampuran antara hukum Syariah dan adat, seperti yang tercermin dalam pelbagai kanun negeri-negeri Melayu, termasuk Kanun Negeri Lingga (Zanirah Binti Mustafa, 2015).

Walaupun banyak teks undang-undang Melayu dari Semenanjung Malaysia telah dikaji, seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Pahang (Abdul Monir Yaacob, 2009), kajian mengenai teks undang-undang di Sarawak, khususnya berkaitan undang-undang kekeluargaan Islam, masih terhad. Manuskrip KNL merupakan antara teks penting yang membuktikan kewujudan amalan undang-undang kekeluargaan Islam di Sarawak sebelum zaman pemerintahan Brooke (Saimi Bujang *et al.*, 2022).